

Penderaan Seksual: Keperluan Kriteria Pegawai, Punca Penderaan, dan Kes Tidak Dilaporkan

ABSTRAK

Penderaan seksual merupakan isu sejagat. Mangsanya adalah kanak-kanak, remaja, individu dewasa, dan tidak mustahil berlaku juga kepada warga tua. Pemangsa atau pendera pula merupakan individu, sama ada yang dikenali mahupun tidak dikenali mangsa. Oleh itu, terdapat tiga tujuan utama kajian ini dilaksanakan. Pertama, untuk mengenal pasti kriteria yang perlu ada bagi pegawai yang mengendalikan kes-kes deraan seksual. Kedua, untuk mengenal pasti punca kepada penderaan seksual. Dan ketiga, bagi mengenal pasti punca kepada kes-kes deraan seksual yang tidak dilaporkan. Seramai 15 orang responden yang terdiri daripada pegawai di jabatan polis, sekolah, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan NGO (Non Governmental Organization atau Pertubuhan Bukan Kerajaan) terlibat dalam kajian ini. Dapatan diperoleh melalui temu bual separa berstruktur serta dianalisis menggunakan perisian NVivo bagi membentuk tema dan kategori utama. Dapatan kajian ini diharap dapat menyumbang maklumat bagi memantapkan peranan pihak terlibat secara langsung dalam membantu mangsa dera seksual. Selain itu, punca penyebab kepada kejadian serta punca kes tidak dilaporkan yang diperoleh melalui kajian ini dijangka dapat membantu mengurangkan kes ini berlaku secara berterusan dan berleluasa.

Kata-kata kunci: Penderaan seksual, kriteria pegawai, punca penderaan seksual, dan punca kes tidak dilaporkan.

PENDAHULUAN

Penderaan seksual bukanlah isu yang baru. Malahan, kes ini berlaku sejak di zaman Roman kuno di mana kanak-kanak lelaki dijadikan objek seks (Conte, 1991). Di Malaysia, kes ini berlaku tanpa mengira pangkat usia, keturunan, dan jantina. Namun, kanak-kanak perempuan dan kaum wanita lebih terdedah menjadi mangsa.

Penderaan seksual yang dilakukan, sama ada oleh individu yang dikenali atau tidak oleh mangsa, memberikan kesan trauma. Menurut Nor Shafrin Ahmad (2006), kanak-kanak mangsa dera seksual akan membentuk kecelaruan kognitif dengan kritik diri, menyalahkan diri, tidak berdaya, tiada harapan, dan memikirkan sesuatu yang berbahaya. Kajian beliau juga mendapati bahawa

Dr. Nor Shafrin binti Ahmad ialah Pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan USM (Universiti Sains Malaysia), 11800 Minden, Pulau Pinang, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, beliau boleh dihubungi dengan alamat emel: sham@usm.my

kanak-kanak ini mengalami kemurungan dan mempunyai harga diri yang rendah. Malahan, kanak-kanak yang didera seksual berpotensi untuk menjadi mangsa dera pada peringkat umur yang lain.

Kes penderaan yang berlaku ini perlu dicegah dan ditangani segera. Kesan yang dialami oleh mangsa memberi gambaran kepada masalah sosial dan kehilangan potensi individu untuk sesebuah negara (Conte, 1991). Sehubungan itu, isu penderaan seksual tidak boleh dipandang remeh serta perlu ditangani oleh setiap lapisan masyarakat. Mangsa perlu diberikan sokongan dan bantuan segera serta bersesuaian. Menurut G.P. Owens and K.M. Chard (2003), melalui pengetahuan terperinci tentang simptom trauma penderaan seksual maka penilaian, diagnosis, dan perancangan rawatan dapat disesuaikan kepada mangsa.

Kajian ini adalah bagi mengenal pasti kriteria sesuai untuk pegawai yang mengendalikan kes penderaan seksual; punca penderaan seksual mengikut perspektif pegawai polis, kaunselor di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kaunselor di sekolah, dan pegawai di NGO (*Non Governmental Organization* atau Pertubuhan Bukan Kerajaan) yang mengendalikan kes penderaan seksual; serta mengenal pasti punca kes yang tidak dilaporkan.

Persoalan bagi kajian ini adalah seperti berikut: (1) Siapakah mangsa dan pemangsa kes penderaan seksual?; (2) Apakah kriteria yang perlu dipunyai oleh pegawai yang mengendalikan kes-kes penderaan seksual?; (3) Apakah punca-punca kepada penderaan seksual berlaku?; dan (4) Kenapakah kes penderaan seksual tidak dilaporkan atau disembunyikan?

METODOLOGI KAJIAN

Pemerolehan data bagi menjawab persoalan kajian di atas adalah dengan menggunakan temu bual separa berstruktur. Sampel kajian terdiri daripada kakitangan atau pegawai yang terlibat dalam mengendalikan kes-kes mangsa penderaan seksual secara langsung. Mereka ini terdiri daripada pegawai polis daripada Polis Diraja Malaysia, kaunselor di sekolah, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dan pegawai yang mengendalikan kes deraan seksual di Pusat Perlindungan Swasta (NGO, *Non Governmental Organization* atau Pertubuhan Bukan Kerajaan).

Pemilihan kakitangan atau pegawai yang terlibat dalam kajian adalah melalui pensampelan bertujuan. Hanya kakitangan atau pegawai yang terlibat secara langsung mengendalikan kes mangsa dera seksual sahaja yang dipilih. Mereka juga disyaratkan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengendalikan kes mangsa dera seksual. Bagi proses temu bual, perjumpaan secara individu dilakukan untuk setiap kakitangan atau pegawai terlibat. Semasa menjalankan proses temu bual, satu set soalan disediakan sebagai panduan. Maklumat terperinci mengenai demografi mangsa dan pemangsa, kriteria yang perlu dipunyai oleh pegawai terlibat, punca penderaan, dan punca kes tidak dilaporkan diterokai. Dapatan terperinci temu bual dianalisis

dengan menggunakan perisian NVivo. Melalui analisis kandungan, tema atau kategori utama kemudiannya dibentuk.

Sampel kajian ini terdiri daripada empat orang kaunselor sekolah, dua orang pegawai psikologi di JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat), dua orang kaunselor di Jabatan Kebajikan Malaysia, lima orang pegawai polis yang menguruskan kes-kes deraan seksual, dan dua orang pegawai NGO (*Non Governmental Organization* atau Pertubuhan Bukan Kerajaan) daripada WCE (*Women Crisis Centre*). Angka ini menunjukkan bahawa sejumlah 15 orang pegawai yang menguruskan kes-kes penderaan seksual ditemu bual dalam proses mengumpul data kajian.

DAPATAN KAJIAN

Mengenai Siapakah Mangsa Dera Seksual? Menurut responden, mangsa dera seksual boleh terdiri daripada kanak-kanak, remaja atau individu dewasa. Mereka ini kebanyakannya kaum perempuan, walaupun terdapat kes kaum lelaki diliwat. Secara keseluruhannya, mengikut kaum, Melayu merupakan kaum terbanyak yang terlibat dalam kes dera seksual, diikuti oleh kaum India dan Cina. Menurut responden, kaum Cina lebih terbuka (*open minded*) mengenai hal ini. Mereka lebih terbuka dalam menerima realiti kes deraan seksual yang berlaku terhadap anak mereka dan akan memastikan pesalah laku itu menerima hukuman. Manakala kaum India pula ada yang terbuka (*open minded*) dan ada juga yang tidak dapat menerima hal ini sehingga tidak membenarkan anak mereka keluar daripada rumah.

Kaum Melayu, yang menjadi kaum majoriti, mempunyai pandangan dan pemahaman yang berbeza mengenai deraan seksual mengikut kawasan tempat tinggal mereka. Contohnya, kaum Melayu di kawasan bandar lebih terbuka (*open minded*) daripada mereka yang tinggal di kawasan luar bandar yang masih berpegang kuat kepada adat dan budaya. Golongan ini kebiasaannya akan menyembunyikan kes dan anak mereka daripada malu dikutuk masyarakat.

Dapatan temu bual bersama responden terlibat juga mendapati bahawa mangsa dera seksual ini melibatkan golongan umur di bawah 18 tahun. Mangsa adalah remaja di peringkat sekolah menengah, iaitu yang berumur antara 13 tahun sehingga 16 tahun. Menurut responden, kes kanak-kanak tidak begitu banyak kerana hanya 10% - 15% daripada kes dera seksual melibatkan kanak-kanak. Namun terdapat juga kes yang melibatkan remaja akhir yang merupakan pelajar di pusat pengajian tinggi dan individu dewasa yang dicabul. Hal ini menunjukkan bahawa penderaan seksual dan kes-kes rogol berkemungkinan berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengira peringkat umur. Kejadian yang berlaku ini menyebabkan mangsa mengalami gangguan trauma.

Mengenai Siapakah Pendera atau Pemangsa? Menurut dapatan temu bual, responden menyatakan bahawa pendera atau pemangsa merupakan orang luar atau orang yang tidak dikenali oleh mangsa. Terdapat kes yang melibatkan orang asing, seperti rakyat daripada Bangladesh dan Nepal sebagai pemangsa.

Keadaan ini membuktikan bahawa walaupun mangsa tidak mengenali pemangsa, namun pemangsa sebenarnya sentiasa berada berhampiran mereka. Pemangsa juga boleh merupakan individu yang dikenali mangsa seperti contoh yang diberikan oleh responden, bahawa pemangsa adalah pemandu bas kilang yang merogol pekerja yang menaiki basnya. Terdapat juga kes yang melibatkan ahli keluarga sendiri. Menurut responden, beliau pernah mengendalikan kes deraan seksual yang dilakukan oleh bapa kandung mangsa sendiri. Secara rangkuman, pemangsa adalah mereka yang sentiasa berhampiran dengan mangsa, walaupun mangsa antara mengenali ataupun tidak mengenali pemangsa.

Mengenai Kriteria Pegawai. Berdasarkan temu bual dengan responden, tiga ciri utama ini dikatakan perlu dipunyai oleh setiap pegawai yang mengendalikan kes penderaan seksual. Tiga kriteria itu ialah *kelayakan*, *sifat*, dan *profesional kerja*.

Di bawah kriteria *kelayakan*, responden sependapat bahawa mempunyai ilmu serta pengalaman adalah sangat penting dalam menyelesaikan sesuatu kes. Mereka berpandangan bahawa latihan praktikal adalah lebih baik daripada pembelajaran secara teori dalam mengatasi isu penderaan seksual. Selain itu juga responden berpendapat bahawa pegawai yang berumur adalah lebih layak mengendalikan kes penderaan seksual daripada pegawai yang muda. Hal ini adalah disebabkan kelebihan yang ada berdasarkan pengalaman dan pengetahuan. Mereka juga setuju supaya pegawai yang telah berumah tangga mengendalikan kes ini berbanding yang masih bujang. Selain itu, responden juga berpendapat bahawa pegawai perempuan adalah lebih sesuai berbanding pegawai lelaki dalam mengendalikan kes dera seksual.

Bagi kriteria kedua, iaitu kriteria *ciri* atau *sifat* seseorang pegawai sokongan, responden berpendapat bahawa seseorang pegawai itu perlulah mempunyai kesabaran yang tinggi dan tidak cepat marah. Hal ini adalah disebabkan oleh mangsa dera seksual yang mempunyai pelbagai kareneh. Selain itu juga mereka menyatakan bahawa setiap pegawai perlu bersifat lemah lembut. Dalam erti kata lain, pegawai yang mengendalikan kes penderaan seksual perlu bijak mengawal emosi. Namun, terdapat responden yang menyatakan bahawa seseorang pegawai itu boleh menyoal mangsa dengan nada suara yang marah (secara terkawal) sekiranya kes hubungan seksual yang melibatkan suka sama suka. Antara ciri lain yang perlu dipunyai oleh seseorang pegawai sokongan dalam mengendalikan kes dera seksual ialah ia tidak boleh melabel mangsa, mereka perlu mempunyai sifat yang disenangi mangsa, dan menarik perhatian mangsa supaya kes-kes mudah untuk diselesaikan. Dalam hal ini, pegawai itu perlu dipercayai oleh mangsa bagi memudahkan pemindahan maklumat atau penceritaan tentang kejadian yang berlaku. Terdapat responden yang berpendapat bahawa pegawai yang belum berkahwin tidak malu untuk mendapatkan maklumat atau bertanyakan mengenai perkara berkaitan hubungan seksual kepada pegawai yang sudah berkahwin.

Dari segi aspek *profesional kerja*, responden menyatakan bahawa setiap pegawai sokongan perlu menerima kes dengan hati yang terbuka dan menerima kes seadanya. Hal ini ditambah lagi oleh pendapat responden lain yang mahu pegawai menerima kes tanpa syarat. Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa seseorang pegawai itu perlu menerima kes dera seksual dan membantu menyelesaikannya sehingga kes selesai dan tidak mengendalikan kes hanya separuh jalan. Namun terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa seseorang pegawai itu hanya perlu membantu menyelesaikan kes hanya setakat yang mampu. Dalam keadaan ini menunjukkan bahawa perlu adanya ketetapan yang bersyarat supaya para pegawai yang menerima sebarang kes tidak meninggalkan kes sehingga kes tersebut dapat diselesaikan dengan baik.

Dari segi *profesional kerja* juga, etika kerahsiaan adalah sangat penting agar mangsa tidak diaibkan. Hal ini bertepatan dengan ciri seorang pegawai yang dilarang untuk melabel mangsa dera seksual. Responden berpendapat bahawa sebagai seorang pegawai yang bertanggungjawab adalah menjadi tugas untuk menjaga mangsa selama 24 jam seminggu, walaupun perlu pegawai tersebut tidur bersama mangsa di balai polis. Selain daripada itu, selaku pegawai yang berpegang kepada profesional kerja adalah perlu untuk mendengar setiap permasalahan yang diceritakan oleh mangsa. Pegawai juga adalah dicadangkan untuk tidak memakai sebarang *uniform* (pakaian seragam) bagi mewujudkan kemesraan dengan mangsa. *Uniform* atau pakaian seragam, menurut mereka, kadang kala mengehadkan kemesraan dan kepercayaan mangsa dan pegawai. Akhirnya responden juga berpendapat bahawa seseorang pegawai itu perlu berpegang kepada etika kaunselor.

Mengenai Punca Penderaan Seksual. Berdasarkan dapatan temu bual, punca utama yang menyebabkan berlakunya penderaan seksual ialah latar belakang mangsa. Majoriti responden bersetuju bahawa masalah keluarga menyebabkan berlakunya kes penderaan seksual. Antara masalah tersebut adalah seperti mangsa daripada keluarga yang bercerai berai atau daripada keluarga yang tidak lengkap. Selain daripada itu, kemiskinan keluarga juga menyumbang kepada faktor berlakunya penderaan seksual ini. Walau bagaimanapun, hal ini juga boleh terjadi kepada mangsa yang mempunyai ibu dan bapa yang sentiasa sibuk sehingga mengabaikan tanggungjawab mereka untuk mendidik anak-anak. Keadaan ini menyebabkan anak-anak boleh bertindak apa-apa sahaja seperti menonton video lucah yang boleh mempengaruhi pemikiran mereka. Dalam keadaan ini, anak-anak akan mudah terdedah kepada pelbagai ancaman, termasuk menjadi mangsa dera seksual.

Kes-kes sumbang mahram seperti bapa merogol anak atau abang merogol adik berlaku akibat mangsa terlalu mempercayai ahli keluarga sehinggakan mereka terpedaya dan menjadi mangsa. Terdapat juga keluarga yang tidak mempercayai kata-kata mangsa apabila mereka memberitahu bahawa dirogol oleh ahli keluarga. Keadaan ini menyebabkan mangsa berterusan menjadi mangsa dera seksual di rumah sendiri tanpa sebarang tindakan ahli keluarga

lain. Terdapat juga mangsa yang dipaksa supaya tidak melaporkan hal yang berlaku kepada pihak yang bertanggungjawab dan keadaan ini memberi kesempatan kepada pemangsa untuk berani melakukannya lagi. Keadaan rumah yang daif seperti tiada bilik tidur, terutama untuk anak-anak perempuan, menyebabkan mangsa sentiasa terdedah dengan ancaman dera seksual.

Selain masalah daripada keluarga, punca penderaan seksual juga boleh berlaku akibat suka sama suka. Mangsa dan pemangsa adalah saling kenal mengenali sehingga akhirnya terpengaruh dengan pujuk rayu pemangsa dan berlakunya hubungan seksual. Dalam keadaan ini, bagi mangsa yang di bawah umur 18 tahun, mereka masih dikategorikan sebagai kanak-kanak dalam *Akta Kanak-Kanak 2001* dan diklasifikasikan mengalami penderaan seksual (LPUU, 2003).

Selain itu juga, kurangnya keprihatinan masyarakat terhadap masalah sosial menjadi salah satu sebab berleluasanya kes-kes deraan seksual ini. Menurut responden lagi, mangsa terutama kanak-kanak akan terdedah kepada penderaan seksual semasa musim cuti sekolah. Hal ini kerana kanak-kanak sentiasa berada di rumah dan memberi peluang kepada pemangsa yang merupakan ahli keluarga untuk mendera mangsa. Selain daripada itu juga, kanak-kanak perempuan yang matang awal dan datang haid seawal umur 12 tahun juga antara mangsa yang sering terdedah dengan isu dera seksual ini. Oleh itu, peranan ibu bapa untuk memantau anak-anak juga adalah sangat penting bagi memastikan anak-anak mereka berada dalam keadaan selamat. Selain itu juga, penggunaan ubat atau pil khayal yang diberikan kepada mangsa tanpa kesedarannya menjadi salah satu punca yang menyebabkan mereka terdedah kepada penderaan seksual berlaku.

Mengenai Punca Kes Tidak Dilaporkan. Majoriti responden yang ditemu bual melaporkan bahawa kes penderaan seksual tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa adalah disebabkan oleh faktor keluarga. Hal ini berlaku bagi kes-kes sumbang mahram seperti bapa merogol anak atau abang merogol adik. Kes sumbang mahram tidak dilaporkan bagi menutup malu dan menjaga maruah keluarga. Dalam keadaan ini, mangsa tidak mempunyai sokongan keluarga bagi melaporkan kes tersebut. Selain itu juga, keluarga mangsa risau sekiranya kes penderaan ini dilaporkan maka ia akan diketahui masyarakat dan keluarga mereka akan dipandang serong. Keluarga juga risau sekiranya dilaporkan maka mereka akan hilang punca pendapatan apabila bapa ditangkap dan dibicarakan dan akhirnya keluarga hilang sumber saraan hidup. Bagi keluarga yang tidak mempercayai kata-kata mangsa, maka kes ini juga tidak dilaporkan dan dibiarkan hingga ia berlalu begitu sahaja. Justeru, fungsi keluarga adalah sangat penting. Keluarga memainkan peranan utama dalam menyelesaikan kes-kes sensitif seperti deraan ini. Keluarga juga yang sepatutnya menjadi individu pertama dan utama menyelamatkan mangsa serta membawa mangsa membuat laporan ataupun menerima rawatan sepatutnya.

Selain daripada faktor keluarga, punca kes tidak dilaporkan juga adalah kerana mangsa terlalu trauma untuk melaporkan kes ini. Dalam keadaan ini,

mangsa tidak mampu menceritakan perkara yang berlaku dan terdapat mangsa yang lupa kebanyakan butiran kejadian yang turut menyukarkan pihak polis khususnya menerima laporan mereka. Manakala bagi kes suka sama suka pula, kejadian yang berlaku tidak dilaporkan kerana pemangsa sanggup bertanggungjawab. Dalam kes seperti ini terdapat mangsa yang berkahwin dengan perogolnya apabila terdapat campur tangan keluarga serta mangsa yang didapati telah hamil.

PERBINCANGAN

Mangsa penderaan seksual dalam kajian ini keseluruhannya daripada golongan kaum wanita, sama ada mereka kanak-kanak, remaja, mahupun pelajar institusi pengajian tinggi. Menurut C. Walrath *et al.* (2003), kanak-kanak perempuan lebih kerap didera secara seksual berbanding kanak-kanak lelaki. Keadaan ini selaras dengan pernyataan oleh Ann Wan Seng dan Khadijah Alavi (1997) yang menyatakan bahawa nisbah mangsa kanak-kanak perempuan terhadap mangsa kanak-kanak lelaki yang didera secara seksual ialah 25:1. Lazimnya, kanak-kanak dan kaum perempuan kerap menjadi mangsa kerana dianggap tidak berdaya, bergantung, dan tidak berkuasa.

Pendera atau pemangsa dalam kes penderaan seksual pula majoritinya adalah daripada kaum lelaki. Dalam kajian ini, pendera atau pemangsa merupakan individu dikenali mangsa seperti kaum keluarga, adik-beradik, atau individu yang rapat dengan mereka. Bagi keadaan di mana penderaan seksual melibatkan ahli keluarga, maka ia didefinisikan sebagai “kes sumbang mahram”. Mengikut Seksyen 376A Kanun Keseksaan di Malaysia, seseorang itu dikatakan melakukan sumbang mahram jika seorang lelaki atau seorang perempuan melakukan persetubuhan dengan orang lain dalam keadaan hubungan lelaki dan perempuan itu adalah tidak dibenarkan, sama ada di bawah undang-undang, hukum agama, adat atau kebiasaan yang berkait bagi lelaki dan perempuan tersebut, untuk berkahwin dengan orang itu (LPUU, 2004:162-166). Namun begitu, definisi ini hanya merujuk kepada hubungan seks dan tidak meliputi bentuk penganiayaan seks yang lain yang traumanya sama hebat. Terdapat juga pendera atau pemangsa yang tidak dikenali dan mereka ini terdiri daripada individu luar yang mengambil kesempatan atas peluang dan ruang yang ada.

Dalam temu bual bersama responden, tiga kriteria utama yang perlu ada oleh pegawai yang mengendalikan kes penderaan seksual ialah *kelayakan*, *sifat atau ciri*, dan *profesional kerja*. Responden berpendapat bahawa seseorang pegawai perlu mempunyai kelayakan seperti mempunyai kelulusan dalam bidang berkaitan mengendalikan kes-kes deraan. Mereka juga mencadangkan supaya sekurang-kurangnya mereka mempunyai kemahiran asas dalam menolong. Bagi responden yang bertugas sebagai kaunselor, mereka juga berharap dapat didedahkan dengan kursus-kursus seperti kaunseling krisis dan kaunseling trauma. Pemilihan rawatan yang sesuai mengikut kes sekurang-kurangnya dapat meminimumkan kesan yang dialami oleh mangsa (Dora, 1988).

Sifat atau ciri personaliti yang perlu ada kepada pegawai terlibat dalam mengendalikan kes deraan ialah mereka perlu boleh dipercayai, mesra, dan sabar. Bagi jabatan yang melibatkan penggunaan *uniform* (pakaian seragam), maka mereka mencadangkan pegawai terlibat memakai pakaian biasa supaya ia tidak menimbulkan keadaan ketakutan dan inferior kepada mangsa. Memandangkan kes deraan seksual melibatkan maruah mangsa dan keluarga, mereka juga berharap agar pegawai terlibat amanah serta boleh dipercayai dalam merahsiakan kejadian deraan seksual yang berlaku kepada mereka. Sifat lain adalah seperti mempunyai kesabaran yang tinggi kerana bagi kes deraan seksual, ia kerap kali mengambil tempoh masa yang panjang untuk dikendalikan. Keadaan ini berlaku kerana trauma yang dialami mangsa menyebabkan mereka lupa fakta penting yang menjadi bukti utama dalam kes siasatan. Sehubungan demikian, kemahiran asas melayan perlu dalam mewujudkan hubungan kolaboratif dengan klien yang merupakan mangsa (Che Din & Haji Omar, 2002). Penderaan seksual telah menjadikan mangsa sukar untuk dipercayai individu lain (Beckett, 2003). Dengan hubungan yang baik antara mangsa dan pegawai yang mengendalikan kes ini, sekurang-kurangnya, akan melahirkan rasa selamat untuk mangsa untuk berkongsi masalah.

Punca penderaan seksual berlaku adalah kerana faktor keluarga. Keluarga yang bercerai berai dan ibu bapa yang sibuk bekerja serta mengabaikan tanggungjawab menjaga anak-anak menyebabkan antara punca deraan seksual berlaku kepada anak-anak mereka. Hal ini selaras dengan kajian Nor Shafrin Ahmad (2006) yang mendapati bahawa 60% mangsa penderaan seksual datang daripada keluarga yang ibu bapa kandung mereka tidak lagi tinggal bersama. Dalam keadaan ini subjek dipelihara oleh sama ada ibu atau bapa kandung, ibu atau bapa tiri, nenek dan datuk, keluarga terdekat, atau keluarga angkat.

Faktor rumah yang tiada bilik bagi memisahkan anak-anak lelaki dan perempuan juga menjadi punca kepada penderaan seksual berlaku. Keadaan ini selaras dengan ajaran agama Islam yang mewajibkan pemisahan bilik tidur mengikut jantina apabila anak-anak meningkat dewasa. Di samping itu, penggunaan dadah seperti pil khayal mampu meningkatkan kes deraan seksual. Hal ini berlaku apabila pemangsa menggunakan kesempatan memasukkan dadah atau pil khayal dalam minuman mangsa tanpa pengetahuan mereka. Dalam keadaan tanpa sedar, mangsa dirogol dan keadaan ini kebiasaannya berlaku di majlis sosial seperti di kelab-kelab malam (Fitzgerald & Riley, 2000).

Kurangnya kesedaran masyarakat dalam menangani masalah sosial juga merupakan antara punca kejadian. Masyarakat moden kini sibuk bekerja dan terdapat masyarakat yang tidak mengenali jiran tetangga. Konsep “jangan jaga tepi kain orang” kadang kala membawa mudarat apabila masalah sosial jiran tetangga juga tidak dipedulikan serta tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa. Kurangnya kesedaran masyarakat untuk membuat laporan kes penderaan seksual ini diakui oleh bekas Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Senior

Asisten Komisioner II Abu Bakar Mustaffa (*Utusan Malaysia*, 25/6/2003). Hal ini selaras juga dengan “Laporan Edisi Siasat” dalam NTV 7 (2002) yang menyatakan bahawa sebanyak 10% kes penderaan seksual tidak dilaporkan di Malaysia.

Menurut K. Havelin (2000) pula, penderaan seksual kanak-kanak merupakan jenayah yang paling banyak didiamkan. Keadaan yang sama berlaku bagi mangsa rogol yang majoritinya tidak melaporkan kejadian yang berlaku kepada pihak polis (Krahe, 2004). Keputusan mangsa untuk tidak membuat laporan dan mendiamkan diri adalah kerana mereka malu, takut, keliru, dan risau akan kerenggangan hubungan mereka dengan keluarga (Haskett *et al.*, 1991). Mangsa juga menyembunyikan kejadian yang berlaku kerana rasa takut kepada pendera (Kellog & Menard, 2003). Mangsa yang tidak melaporkan kejadian ini secara langsung akan mengundang lebih banyak kes penderaan seksual. Keadaan ini turut merangsang penderaan seksual berlaku dalam satu tempoh yang lama (Shafiee, 2003).

Ahli keluarga yang tidak mempercayai kata-kata anak mereka juga akan menyulitkan keadaan. Terdapat ahli keluarga, terutamanya ibu, yang menganggap anak mereka berbohong dan mereka-reka cerita (Kellog & Menard, 2003). Malahan, pandangan masyarakat yang menyalahkan mangsa dan keluarga, apabila penderaan seksual berlaku, menambahkan kesan trauma kepada mangsa dan keluarga. Dapatan ini turut menyokong keputusan kajian H.H. Ford, C.B. Schindler dan F.J. Medway (2001) yang mendapati bahawa ahli profesional di sekolah turut menyalahkan mangsa apabila penderaan seksual berlaku. Keadaan ini adalah disebabkan kurangnya pengetahuan tentang penderaan seksual di kalangan ahli profesional di sekolah. Sehubungan itu, H.H. Ford, C.B. Schindler dan F.J. Medway (2001) mencadangkan agar program pendidikan tentang penderaan seksual kanak-kanak dapat dibangunkan dan semua pendidik diberi maklumat sewajarnya.

KESIMPULAN

Penderaan seksual merupakan isu sejagat. Mangsanya adalah kanak-kanak, remaja, individu dewasa, dan tidak mustahil berlaku juga kepada warga tua. Pemangsa atau pendera pula merupakan individu, sama ada yang dikenali mahupun tidak dikenali mangsa. Punca deraan seksual antaranya ialah daripada keluarga. Mangsa terdiri daripada keluarga yang bercerai berai, ibu bapa yang sibuk sehingga tidak mempedulikan keadaan anak-anak, mangsa yang terlalu mempercayai dan rapat dengan bapa atau abang sehinggakan mereka dijadikan mangsa, serta keadaan rumah yang daif dan tidak mempunyai bilik berasingan untuk anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan. Penggunaan pil khayal yang diberikan oleh pemangsa tanpa pengetahuan mangsa juga merupakan antara punca penderaan seksual berlaku.

Penderaan seksual yang disembunyikan menjadi punca kepada kejadian berlaku secara berterusan. Penderaan yang tidak dilaporkan ini juga adalah bagi menjaga maruah keluarga. Keluarga biasanya akan menutup malu dengan

meminta anak mereka berkahwin dengan pemangsa. Bagi kes-kes mangsa yang mengalami trauma kritikal, mereka tidak mampu mengingat secara terperinci kejadian yang berlaku dan hal ini turut menyukarkan untuk laporan dibuat.

Justeru, dalam membantu mangsa dan keluarga mereka maka peranan individu yang terlibat secara langsung dengan mangsa, sama ada daripada jabatan polis, jabatan kebajikan masyarakat, hospital, sekolah, mahupun agensi swasta, perlulah diberikan secara berkesan. Pegawai yang terlibat ini perlulah mempunyai kriteria yang memudahkan mangsa untuk bersama mereka. Dalam hal ini dapatan kajian menunjukkan bahawa tiga kriteria, iaitu *kelayakan*, *sifat atau ciri*, serta *profesional kerja* perlu dipunyai oleh pegawai terlibat dalam usaha mereka membantu mangsa dera seksual.

Bibliografi

- Beckett, C. (2003). *Child Protection: An Introduction*. London: Sage Publications.
- Che Din, Mohamed Fadzil & Rasidah Haji Omar. (2002). *Pengantar Bimbingan dan Kaunseling*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Conte, J.R. (1991). "Child Sexual Abuse: Looking Backward and Forward" dalam M.Q. Patton [ed]. *Family Sexual Abuse: Frontline Research and Evaluation*. California: Sage Publications, Inc., ms.3-22.
- Dora, D. (1988). *Confronting Child Abuse: Research for Effective Program Design*. New York: The Free Press, a Division of Macmillan, Inc.
- Fitzgerald, N. & K.J. Riley. (2000). "Drug-Facilitated Rape: Looking for the Missing Pieces" dalam *National Institute of Justice Journal*. Terdedah pula di: www.ncjrs.gov [dilayari di Pulau Pinang, Malaysia: 31 Disember 2010].
- Ford, H.H., C.B. Schindler & F.J. Medway. (2001). "School Professionals' Attributions of Blame for Child Sexual Abuse" dalam *Journal of School Psychology*, 39(1), ms.25-41.
- Haskett, M.E. *et al.* (1991). "Factors Associated with Successful Entry into Therapy in Child Sexual Abuse Cases" dalam *Child Abuse & Neglect*, 15, ms.467-476.
- Havelin, K. (2000). *Child Abuse: "Why Do My Parents Hit Me"?* Mankota, MN: Capstone Press.
- Kellog, N.D. & S.W. Menard. (2003). "Violence among Family Members of Children and Adolescent Evaluated for Sexual Abuse" dalam *Child Abuse & Neglect*, 27, ms.1367-1376.
- Krahe, B. (2004). "Rape Prevention" dalam C. Spielberger [ed]. *Encyclopedia of Applied Psychology*, Vol. 1. Amsterdam: Elsevier Academic Press, ms.217-222.
- LPUU [Lembaga Penyelidikan Undang-Undang]. (2003). *Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611)*. Selangor: International Law Book Services.
- LPUU [Lembaga Penyelidikan Undang-Undang]. (2004). *Kanun Keseksaan (Akta 574)*. Selangor: International Law Book Services.
- NTV [National Television] 7. (2002). "Laporan Edisi Siasat" dalam *NTV 7*. Kuala Lumpur, Malaysia: 16 November, pukul 8.00 malam.
- Owens, G.P. & K.M. Chard. (2003). "Comorbidity and Psychiatric Diagnoses among Women Reporting Child Sexual Abuse" dalam *Child Abuse & Neglect*, 27(9), ms.1075-1082.
- Shafiee, Zasmani. (2003). "Kaunseling Melalui Perspektif Islam: Sumbang Mahram" dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Kaunseling Berperspektif Islam*. Pulau Pinang: Penerbit USM [Universiti Sains Malaysia], ms.81-93.

- Shafrin Ahmad, Nor. (2006). "Kesan Penderaan Seksual dan Gaya Daya Tindak Mangsa Penderaan Seksual". *Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan*. Bangi, Selangor Darul Ehsan: UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Utusan Malaysia* (akhbar arus perdana). Kuala Lumpur, Malaysia: 25 Jun 2003.
- Walrath, C. *et al.* (2003). "Children with Reported Histories of Sexual Abuse: Utilizing Multiple Perspectives to Understand Clinical and Psychosocial Profiles" dalam *Child Abuse & Neglect*, 27, ms.509-524.
- Wan Seng, Ann & Khadijah Alavi. (1997). *Penderaan Kanak-kanak di Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.



Gambar Mangsa Penderaan Seksual di Malaysia

(Sumber: www.google.com, 2/5/2012)

Penderaan seksual merupakan isu sejagat. Mangsanya adalah kanak-kanak, remaja, individu dewasa, dan tidak mustahil berlaku juga kepada warga tua.